



**PANDUAN PROGRAM PENILAIAN
KEUPAYAAN & KEMAMPUAN
KONTRAKTOR**

(SCORE)

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	3
1.0 OBJEKTIF	4
2.0 TERMA DAN SYARAT PERMOHONAN SCORE	5
3.0 SKOP PENILAIAN	6
Parameter 1 - Prestasi Perniagaan	7
Parameter 2 - Keupayaan Kewangan	10
Parameter 3 - Keupayaan Teknikal	12
Parameter 4 - Pengurusan Projek	15
Parameter 5 - Pengurusan Perolehan	20
Parameter 6 – Amalan Terbaik	22
Parameter 7 - Keupayaan Pengurusan	27
4.0 SKEMA PEMARKAHAN	29
4.1 Definisi Penilaian Bintang	30
TEMPOH PROSES PERMOHONAN SCORE	31

PENDAHULUAN

Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) yang di perkenalkan oleh Lembaga merupakan satu program khusus yang dibangunkan oleh CIDB dengan kerjasama SME Corp bagi mengukur keupayaan dan kemampuan kontraktor tempatan dan asing di Malaysia bagi mempertingkatkan imej industri pembinaan selaras dengan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 bersesuaian dengan teras 'Meningkatkan Kualiti, Keselamatan dan Professionalisme Industri Pembinaan'.

SCORE-CIDB dilaksanakan terhadap kontraktor tempatan melalui analisa terhadap jawapan-jawapan yang diberikan oleh kontraktor terhadap 7 parameter yang ditetapkan. 7 parameter tersebut adalah:

- i. Prestasi Perniagaan
- ii. Keupayaan Kewangan
- iii. Keupayaan Teknikal
- iv. Pengurusan Projek
- v. Pengurusan Perolehan
- vi. Amalan Terbaik
- vii. Keupayaan Pengurusan

Maka, Buku Garis Panduan SCORE ini diterbitkan bagi tujuan rujukan kontraktor gred G2 – G7.

1.0 OBJEKTIF

Terdapat empat (4) objektif utama penilaian SCORE – CIDB:

- 1.1.** Untuk memberi pengiktirafan kepada kontraktor yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dalam aspek Prestasi Perniagaan, Keupayaan Kewangan, Keupayaan Teknikal, Pengurusan Projek, Pengurusan Perolehan, Amalan Terbaik dan Keupayaan Pengurusan.
- 1.2.** Untuk mengenalpasti jurang prestasi dan membantu meningkatkan keupayaan dan kemampuan kontraktor.
- 1.3.** Untuk membangunkan profil industri bagi mengenal tahap keupayaan kontraktor tempatan dan mengukur perbandingan antara kontraktor tempatan dan kontraktor asing.
- 1.4.** Untuk membantu pihak klien dalam pemilihan kontraktor yang berkaliber.

2.0 TERMA DAN SYARAT PERMOHONAN SCORE

Berikut adalah terma dan syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor dalam permohonan SCORE:

- i. Permohonan SCORE ini terbuka kepada semua kontraktor G2–G7 yang telah berdaftar dengan CIDB dan tidak dikenakan apa-apa tindakan oleh CIDB. Yuran proses permohonan SCORE adalah sebanyak RM50.00.
- ii. Syarikat kontraktor dibenarkan mengemukakan rayuan terhadap keputusan SCORE dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh Surat Keputusan awal dikeluarkan dan Lembaga akan mengenakan yuran proses permohonan rayuan sebanyak **RM 300.00** bermula **1 April 2020**.
- iii. **Permohonan Baru** hanya boleh dikemukakan selepas tempoh **SATU (1) tahun** daripada **tarikh surat Keputusan** dikeluarkan.
- iv. Pihak Lembaga berhak untuk membuat pemeriksaan terhadap premis/tapak binaan kontraktor atau memanggil syarikat kontraktor ke Pejabat CIDB untuk menjalani sesi Semakan Pematuhan Kontraktor (SPEK) bagi membuktikan kesahihan maklumat yang diberikan.
- v. Keputusan penilaian SCORE adalah **MUKTAMAD**, sekiranya sesi naziran SCORE atau Semakan Pematuhan Kontraktor (SPEK) telah dijalankan ke atas syarikat tuan.
- vi. Kontraktor boleh mencetak **Sijil SCORE secara maya** melalui laman sesawang CIDB **secara percuma** selepas surat keputusan dikeluarkan.
- vii. Kontraktor boleh dikenakan **tindakan** sekiranya membuat pengisytiharaan **melebihi kemampuan**. Tindakan yang dikenakan adalah **SURAT AMARAN DAN digantung permohonan SCORE selama 3 bulan** atau **PEMBATALAN SIJIL SCORE DAN digantung permohonan SCORE selama 1 tahun**

3.0 SKOP PENILAIAN

SCORE - CIDB dilaksanakan terhadap kontraktor melalui analisa terhadap jawapan-jawapan yang diberikan oleh kontraktor terhadap tujuh (7) parameter yang ditetapkan. Tujuh (7) parameter tersebut adalah:



Parameter 1 - Prestasi Perniagaan

Prestasi perniagaan merujuk kepada kekuatan dan kelemahan syarikat untuk menjalankan operasi syarikat. Ia juga boleh dijadikan sebagai garis panduan untuk meyakinkan pihak yang mempunyai kepentingan seperti bank dan pelabur. Antara yang dinilai dalam prestasi perniagaan adalah seperti rajah di bawah:



Q1 Pendapatan / Hasil Tahunan

Merujuk kepada jumlah pendapatan yang didapati daripada kerja-kerja kontrak dan lain-lain pendapatan dalam tempoh satu (1) tahun bagi tahun terkini.

Q2 3 Tahun Kadar Pertumbuhan kewangan

Purata kadar pertumbuhan pendapatan bagi 3 tahun terkini mengikut kiraan seperti di bawah:

$$\left[\frac{\left\{ \frac{PT - PS}{PS} \right\} + \left\{ \frac{PS - PD}{PD} \right\}}{2} \right] \times 100$$

Nota: *PT - Pendapatan Tahun Terkini*

PS - Pendapatan Tahun Sebelum

PD - Pendapatan Terdahulu

Q3 Strategi syarikat memperolehi perniagaan/kerja

Bagi memastikan perniagaan terus berkembang, strategi syarikat dalam memperolehi perniagaan/kerja sangat penting. Antaranya melalui:

i) Hubungan rangkaian

Hubungan rangkaian adalah strategi perniagaan yang memainkan peranan penting untuk memperolehi perniagaan atau kerja. Hubungan rangkaian yang baik membolehkan mereka mendapatkan sokongan dan kerjasama dari pihak klien atau orang perseorangan di dalam rangkaian hubungan syarikat.

ii) Penyertaan Dalam Misi Perdagangan

Misi perdagangan merupakan kaedah untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan syarikat kepada bakal pembeli seperti menyertai pameran *International Construction Week (ICW)*.

iii) Pengiklanan dan Promosi

Cara berkesan untuk mempromosikan perniagaan adalah dengan pengiklanan berterusan yang boleh dilakukan secara media cetak atau elektronik. Contohnya melalui brochure, kad perniagaan atau banner, media social (*facebook, twitter, blog*), website, billboard, surat dan lain-lain.

iv) Risikan Pasaran

Risikan pasaran adalah kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan mencari peluang perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada syarikat.

v) Pasaran Unggul

Kepakaran syarikat dalam sesuatu bidang sebagai contoh mempunyai pendaftaran dengan agensi seperti:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (JKKP)	- Pengendali Perancah - Sistem loji dandang dan tekanan berapi.
Suruhanjaya Tenaga (ST) / Kementerian Utiliti Sarawak (EIU)	- Borang Q (ST) - Borang S (ST) - Pencantum Kabel (ST / EIU) - Penjaga Jentera (ST / EIU) - Jurutera Elektrik (ST / EIU) - Jurutera Kompeten (EIU) - Penyelia Elektrik (EIU) - Borang O (EIU)
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	- Permit A - Permit B - Permit C - Permit D
Telekom Malaysia Berhad	- Sijil Kecekapan
PDRM	- Kad Juruletup
Pembekal Perkhidmatan Fotovolta Suria (SEDA)	

vi) Paparan di laman

Memaparkan maklumat syarikat di laman sesawang untuk memudahkan klien/pelanggan mendapatkan maklumat syarikat seperti www.abc.com.my.

vii) Strategi Penentuan Harga

Memperolehi peluang kerja/perniagaan melalui penyertaan tender.

viii) Kerjasama

Syarikat melakukan kerja/perniagaan melalui usahasama dengan syarikat lain. Selain itu syarikat berdaftar sebagai 'Authorised Dealers'.

Q4 Order Book


Senarai projek yang masih dalam tempoh pembinaan merujuk kepada jangka masa siap yang terpanjang bagi sesuatu kontrak/kerja.

Q5 Maklum Balas Pelanggan

Merujuk kepada kaedah yang digunapakai oleh syarikat dalam memperolehi maklumbalas daripada klien dan tempoh masa yang diambil untuk bertindak atau memberi respon terhadap maklum balas tersebut.

Parameter 2 - Keupayaan Kewangan

Keupayaan kewangan merujuk kepada keupayaan syarikat dalam mengawal sumber kewangan untuk menjalankan operasi syarikat seperti membayar hutang, membeli aset syarikat, membayar gaji pekerja, dan lain-lain perkara yang melibatkan kewangan. Keupayaan Kewangan diukur berdasarkan kepada 6 nisbah utama iaitu:



Berikut adalah formula pengambilan nilai di dalam laporan audit:

Nilai Aset Tetap	Jumlah Aset Bukan Semasa / Jumlah Aset Tetap
Nilai Aset Semasa	Jumlah aset semasa
Nilai Jumlah Aset	Nilai Aset Tetap + Nilai Aset Semasa
Nilai Tanggungan Semasa	Jumlah Liabiliti
Jumlah Hutang (Pinjaman @ overdraf @ sewa beli @ <i>finance lease payables</i>)	Jumlah Hutang
Nilai Modal Saham	Jumlah Ekuiti
Pendapatan	Pendapatan + pendapatan lain
Untung Kasar	(Pendapatan + lain-lain pendapatan) - Kos Jualan @ Kos Kontrak
Untung Bersih Sebelum Cukai	Keuntungan @ Kerugian Sebelum Cukai
Untung Bersih Selepas Cukai	Keuntungan @ Kerugian Selepas Cukai

Formula kewangan syarikat Sendirian Berhad / Berhad

Jumlah Aset Tetap	Jumlah Aset Bukan Semasa / Jumlah Aset Tetap
Jumlah Aset Semasa	Jumlah Aset Semasa
Jumlah Tanggungan Semasa	Jumlah tanggungan semasa syarikat
Jumlah Hutang (Pinjaman @ overdraf @ sewa beli @ <i>finance lease payables</i>)	Jumlah Hutang
Nilai Modal Saham	Jumlah Ekuiti
Pendapatan	Pendapatan + pendapatan lain
Kos Jualan	Kos Jualan @ Kos Kontrak
Kos Belanja	Jumlah Belanja Mengurus
Baki	Keuntungan @ Kerugian Terkumpul
Untung Bersih Selepas Cukai	Keuntungan @ Kerugian Selepas Cukai

Formula kewangan syarikat Pemilikan Tunggal / Perkongsian

Parameter 3 - Keupayaan Teknikal

Keupayaan teknikal merujuk kepada keupayaan syarikat dalam menyediakan tenaga kerja yang mencukupi termasuk kaedah pelaksanaan peningkatan kualiti syarikat. Keupayaan teknikal diukur berdasarkan kepada perkara berikut:



Q16 Pekerja Yang Telah Diakreditasi Oleh CIDB

Pekerja yang telah diakreditasi akan memperoleh Sijil Kecekapan Kemahiran dari CIDB Malaysia. Kakitangan syarikat yang telah diakreditasi adalah seperti berikut:

- i. Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK)
- ii. Penyelia Keselamatan Tapak (SSS)
- iii. Pentauliahan Penyelia Tapak
- iv. Pengurus Projek Pembinaan (CCPM)
- v. Pengurus Pembinaan Pembentukan (SCM)
- vi. Pengurusan QA & QC

Q18 Pekerja Profesional

Kakitangan syarikat yang berdaftar dengan badan professional bagi diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti jadual berikut:

JURUSAN	BADAN PROFESIONAL
KEJURUTERAAN ➤ AWAM ➤ ELEKTRIKAL ➤ MEKANIKAL	LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (<i>BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA</i>)
SENIBINA	PERSATUAN ARKITEK MALAYSIA
	LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA (<i>BOARD OF ARCHITECTS</i>)
UKUR BAHAN	LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA (<i>BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA</i>)
	<i>THE ROYAL INSTITUTION OF SURVEYORS MALAYSIA (RISM)</i>
UKUR TANAH	<i>LEMBAGA JURUUKUR TANAH</i>
PERANCANG BANDAR	<i>LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA</i>
HARTA TANAH	<i>LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR & EJEN HARTA TANAH</i>
AKAUNTAN	<i>ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA)</i>
	<i>MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANT (MIA)</i>
PEGUAM	MAJLIS PEGUAM (<i>BAR COUNCIL</i>)

Q19 Peningkatan Produktiviti / Kecekapan Dan Kualiti Projek

a) Pembelian Jentera

Merujuk kepada pembelian jentera untuk syarikat seperti lori , *excavator* dan backhoe bagi mempercepatkan proses pembinaan dan menjimatkan masa.

b) Menaiktaraf Jentera

Mengubahsuai jentera/alatan yang sedia ada untuk menambah fungsi jentera / peralatan.

c) Menerapkan Teknik Pembinaan Baru

Jenis teknik pembinaan baru yang digunapakai oleh syarikat dalam tempoh 5 tahun terkini

d) Menerapkan Bahan Pembinaan Baru

Penggunaan bahan pembinaan baru yang digunapakai oleh syarikat dalam tempoh 5 tahun terkini.

e) Menerapkan Kecekapan

Merujuk kepada inovasi yang digunakan bagi mempercepatkan proses kerja.

f) Menambah Pengetahuan

Menghadiri program untuk meningkatkan proses kecekapan dan menambah ilmu dalam bidang pembinaan.

Parameter 4 - Pengurusan Projek

Pengurusan projek merupakan satu pengurusan yang melibatkan pembangunan, perubahan dan inovasi dalam kerja operasi. Ia merangkumi aktiviti seperti merancang dan pengawalan sesuatu projek dengan bergantung kepada kekangan belanjawan supaya projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pengurusan projek dinilai berdasarkan kepada perkara berikut:



Q21 Manual Piawaian Prosedur Operasi (SOP)

Merupakan satu proses kerja yang didokumentasikan bagi menerangkan tugas bagaimana, bila, dimana dan oleh siapa yang harus melaksanakan tugas tersebut.

- i) Quality Management System (Menyeluruh)
- ii) Project Quality Plan / Method of Statement (Meliputi Bidang Teras)
- iii) Carta Alir (Asas)

Q23 Tempoh Siap Kerja

Tempoh siap kerja merujuk kepada tarikh siap sebenar berbanding tarikh siap dalam kontrak atau *letter award*. Sebagai contoh dokumen yang diambil kira adalah perakuan siap kerja (CPC), pesanan pembelian (PO) dan invoice.

TEMPOH SIAP KERJA	TAKRIF
MENDAHULUI MASA	Merujuk kepada projek yang disiapkan sebelum tarikh siap dalam kontrak atau <i>letter award</i> .
MENEPATI MASA	Merujuk kepada projek yang disiapkan sama seperti tarikh siap dalam kontrak atau <i>letter award</i> .
MELEWATI MASA	Merujuk kepada projek yang disiapkan melebihi tarikh siap dalam kontrak atau <i>letter award</i> .
KONTRAK DITAMATKAN	Merujuk kepada kerja yang ditamatkan sebelum tarikh siap seperti dalam kontrak atau <i>letter award</i> .

Q25 Information and Communication Technology (ICT)

ICT ditakrifkan sebagai sebarang kaedah yang digunakan untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindah, melihat, dan mendapatkan maklumat tanpa mengira tempat dan waktu.

Contoh-contoh perisian yang sering digunakan adalah seperti di bawah:

PENGUNAAN	JENIS PERISIAN	CONTOH PERISIAN
TEKNIKAL	PROJECT MANAGEMENT	Primavera, Microsoft Project
	DESIGN PACKAGES	AutoCAD, CAM, Solid Work
	BIM SOFTWARE	FARO, VisualARQ
	REMOTE PROJECT MONITORING	CCTV, Dron, Casis
	VIRTUAL REALITY SOFTWARE	BIM, Team Viewer, ETABS
PENGURUSAN	OFFICE TOOLS	Word, Excel, PowerPoint
	INVENTORY SYSTEM MANAGEMENT SOFTWARE	UBS / SAP
	DOCUMENT CONTROL	EDMS, Payroll, Syncpli City,
	HUMAN RESOURCES SOFTWARE	UBS, Payroll, Qpay, E-leave
	ACCOUNTING SYSTEM	UBS, MYOB, SAP, Oracle, SQL, Auto Count

Q26 Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko didefinisikan sebagai penyelarasan aktiviti organisasi secara bersepadu melalui penetapan hala tuju dan kawalan dalam menghadapi risiko. Ia adalah satu proses berterusan untuk mengenalpasti, menganalisa, menilai dan memantau segala kemungkinan bagi mengelakkan daripada berlakunya insiden yang tidak diingini ketika di tapak projek dan dalam pejabat.

PERKARA	MAKSUD
POLISI INSURAN	Polisi yang digunakan untuk melindungi pekerja semasa di tapak projek.
DEDICATED PROFESSIONAL	Seorang pegawai yang diiktiraf oleh syarikat bagi menguruskan pengurusan risiko sekurang-kurangnya seorang <i>Safety Officer</i> yang mempunyai <i>Green Book</i>
DEDICATED UNIT	Unit yang diwujudkan oleh syarikat bagi menguruskan pengurusan risiko. Boleh dirujuk melalui Carta Organisasi.
RISK ASSESSMENT TOOL	Kaedah yang digunakan dalam menguruskan pengurusan risiko. - <i>Hazard Identification Risk Assessment Risk Control</i> (HIRARC) - <i>Hazard and Operability Study</i> (HAZOP) - <i>Hazard Analysis Critical Control Points</i> (HACCP) - <i>Aspect and Impact</i> – ISO 14000 - <i>Hazard Analysis</i> – OHSAS 18000 - <i>Failure Mode and Effect Analysis</i> (FMEA) - <i>Kaizen</i> - <i>Poka Yuke</i> - <i>HIRADC</i>
METHODOLOGY / SOFTWARE	- <i>Brainstorming</i> - Soal selidik - <i>Benchmarking</i> - Analisa persekitaran - Carta Alir

Q27 Penilaian QLASSIC

QLASSIC merupakan kaedah untuk mengukur dan menilai kualiti mutu kerja dalam suatu kerja pembinaan.

Q27 Penilaian SHASSIC


Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan atau SHASSIC, adalah kaedah untuk menilai prestasi keselamatan dan kesihatan kontraktor dalam kerja pembinaan.

Q29 Bentuk Amalan Hijau

PERKARA	TAKRIF
MY CREST	<i>My crest</i> bertujuan untuk membantu, mengukur dan mengurangkan kesan alam sekitar dari segi pengurangan pelepasan karbon dan kesan alam sekitar 
ENVIRONMENTAL 14001	Standard ini menyediakan satu garis panduan atau rangka kerja yang sistematik bagi meningkatkan usaha dalam pengurusan alam sekitar.
SUSTAINABILITY REPORT	<i>Sustainability report</i> adalah laporan organisasi yang memberikan maklumat tentang prestasi ekonomi, alam sekitar, sosial dan pengurusan tadbir. <i>Sustainability report</i> juga adalah kaedah untuk menginternalisasi dan meningkatkan komitmen organisasi terhadap pembangunan mampan dengan cara yang dapat ditunjukkan kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

Parameter 5 - Pengurusan Perolehan

Merujuk kepada kaedah yang digunapakai oleh syarikat dalam memastikan bahan yang diperolehi menepati spesifikasi yang ditetapkan dengan merujuk kepada polisi pemilikan juga polisi pengurusan stok simpanan yang dilaksanakan di dalam syarikat. Antara kriteria yang dinilai dalam pengurusan perolehan adalah seperti berikut:



Q32 Polisi Perolehan

Merupakan proses yang ditetapkan oleh organisasi untuk mentadbir proses dalam mendapatkan barangan atau perkhidmatan yang diperlukan oleh organisasi agar ia dapat berfungsi dengan lebih cekap. Polisi ini merujuk kepada proses pembelian bahan, peralatan atau jentera dan juga pemilihan sub-kontraktor.

Q34 Pengurusan Stok Simpanan

Pengurusan stok simpanan penting bagi memastikan kelancaran dan rekod stok simpanan teratur melalui kaedah seperti berikut:

- i) Mengamalkan penyenaraian stok iaitu melalui *bin card*, buku dan lain-lain.
- ii) Sistem Inventori asas adalah dengan membuat rekod stok melalui penggunaan *office tools (word, excel)*.
- iii) Sistem Inventori Sendiri adalah penggunaan perisian khas atau database bagi merekod stok simpanan.
- iv) Sistem Pengurusan Rangkaian Inventori Bersepadu adalah penggunaan perisian yang berintegrasi seperti perisian SAP.

Q35 Polisi Penyimpanan

i) Kadar Stok Minima

Merujuk kepada kaedah penyimpanan stok yang dipraktikkan oleh syarikat dengan menentukan kadar minima yang perlu ada di dalam simpanan sebelum tempahan atau perolehan dilakukan dengan mematuhi syarat polisi perolehan yang ditetapkan. Sebagai contoh menggunakan *numbering* atau warna.

ii) Masuk Dulu Keluar Dulu (*First In First Out*)

Merujuk kepada kaedah perolehan, penyimpanan dan penggunaan stok yang mana syarikat mengamalkan stok barangan yang dibeli dahulu akan digunakan terlebih dahulu manakala barangan yang dibeli kemudian menjadi simpanan stok untuk digunakan kemudian.

iii) Masuk Kemudian Keluar Dahulu (*Last In First Out*)

Merujuk kepada kaedah perolehan, penyimpanan dan penggunaan stok yang mana syarikat mengamalkan stok barangan yang dibeli kemudian akan digunakan terlebih dahulu manakala barangan yang dibeli dahulu menjadi simpanan stok untuk digunakan kemudian.

iv) Dasar Pelupusan Usang

Merupakan satu polisi dan peraturan yang ditetapkan oleh organisasi untuk mengurus bahan-bahan binaan yang telah usang dan tidak boleh digunakan. Sebagai contoh peralatan, bahan binaan, bekalan dan perabot pejabat yang tidak lagi boleh digunakan boleh dijual, didermakan atau dimusnahkan mengikut polisi yang telah ditetapkan oleh organisasi.

v) Memperuntukkan ruang yang sesuai

Merujuk kepada ruang atau kawasan yang dijadikan tempat yang sesuai untuk penyimpanan barang.

vi) Keselamatan


Merupakan satu kaedah yang digunakan bagi memastikan barangan yang disimpan sentiasa selamat dan terjamin kualitinya. Antara keselamatan yang diamalkan termasuklah menggunakan kamera litar tertutup, mempunyai pengawal, memelihara anjing dan stor dikunci.

Parameter 6 – Amalan Terbaik

Amalan terbaik adalah teknik atau kaedah yang digunapakai untuk mendapatkan hasil kerja yang memenuhi kehendak organisasi. Istilah ini kerap digunakan dalam pelbagai bidang seperti:

- i Sistem Pentadbiran
- ii Pengurusan Projek
- iii Persekitaran
- iv Kesihatan dan Keselamatan
- v Penglibatan dengan masyarakat setempat (Tanggungjawab sosial)

Amalan terbaik dinilai berdasarkan kepada kriteria berikut:



Q37 Kaedah Simpan Kira-kira

Ia merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh syarikat untuk menyimpan maklumat atau data dengan lebih sistematik. Antara kaedah yang digunakan adalah sistem perisian atau kaedah lain seperti *company secretary*.

Q38 Pengurusan Pekerja

Pengurusan pekerja merupakan satu tanggungjawab majikan terhadap pekerjaanya. Antara pengurusan pekerja meliputi:

PERKARA	HURAIAN
Pendaftaran KWSP	Sistem faedah persaraan pekerja bagi memastikan para majikan memenuhi tanggungjawab undang-undang serta kewajipan moral mereka untuk mencarum kepada KWSP bagi pihak pekerja mereka.
Latihan	Menyediakan perancangan latihan untuk pekerja bagi menjadikan pekerja lebih kompeten dalam bidang kerja.
Sistem Penghargaan	Penghargaan yang diberikan kepada pekerja sekiranya mencapai KPI yang ditetapkan oleh pihak syarikat.
Insuran	Memberi perlindungan terhadap pekerja seperti " <i>medical card</i> " bagi kos perbelanjaan rawatan pekerja.
Permit	Membantu pekerja asing dalam mendapatkan permit yang diperlukan.

Q39 Pengurusan Kualiti

Pengurusan kualiti adalah suatu tindakan mengawasi semua aktiviti dan tugas-tugas yang diperlukan untuk mengekalkan tahap kecemerlangan yang dikehendaki. Ini termasuk mewujudkan dan melaksanakan perancangan, kawalan dan peningkatan kualiti.

PERKARA	MAKSUD
TOTAL QUALITY MANAGEMENT (TQM)	➤ Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) adalah satu pendekatan menyeluruh dan berstruktur dengan pengurusan organisasi yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan. ➤ Ia juga merupakan satu proses pengurusan kualiti yang berorientasikan pelanggan, digunakan secara berterusan dan melibatkan semua aspek dalam organisasi.
ISO 9001	➤ ISO 9001 merupakan satu sistem pengurusan kualiti yang tergolong dalam keluarga ISO 9000. Piawaian ini memberi panduan kepada syarikat dan organisasi yang ingin memastikan produk dan perkhidmatan mereka sentiasa memenuhi keperluan pelanggan, dan kualiti yang lebih baik secara konsisten.

Q40 Pematuhan Spesifikasi Bahan

i) Jaminan Kualiti dan kawalan kualiti

Jaminan kualiti adalah apa-apa proses sistematik untuk memeriksa dan melihat sama ada produk atau perkhidmatan yang dibangunkan adalah memenuhi keperluan yang ditetapkan. Kawalan kualiti adalah satu prosedur atau set prosedur bertujuan untuk memastikan bahawa produk yang dihasilkan atau perkhidmatan yang dilakukan mematuhi kriteria kualiti dan memenuhi keperluan pelanggan.

ii) Berdasarkan Pensijilan Produk

Merujuk kepada perakuan yang sah bahawa produk yang diperolehi telah lulus dan telah melalui ujian prestasi dan jaminan kualiti untuk memenuhi standard kualiti tempatan atau antarabangsa.

iii) Ujian makmal

Ujian terhadap bahan yang dilakukan oleh pihak ketiga secara internal atau external bagi memastikan bahan tersebut memenuhi spesifikasi.

Q41 Pematuhan Terhadap Piawaian

Ia merujuk kepada kepatuhan syarikat atau organisasi terhadap piawaian bagi memastikan produk atau perkhidmatan mereka sentiasa memenuhi keperluan pelanggan dan kualitinya sentiasa mematuhi piawaian secara konsisten. Contoh-contoh piawaian yang sering digunapakai oleh syarikat atau organisasi dalam sektor pembinaan adalah:

Jenis Piawaian	Maksud
ISO 9001	International Organisation for Standardization (ISO) merupakan satu aspek pengurusan kualiti yang mengandungi beberapa piawaian ISO. Piawaian ini memberi panduan kepada syarikat dan organisasi yang ingin memastikan produk dan perkhidmatan mereka sentiasa memenuhi keperluan pelanggan dan kualiti yang lebih baik secara konsisten.
Environmental 14000	ISO 14000 adalah satu siri Piawaian Pengurusan Alam Sekitar yang dibangunkan dan diterbitkan oleh <i>International Standard Organization</i> (ISO) untuk organisasi. Standard ini menyediakan satu garis panduan atau rangka kerja yang sistematik bagi meningkatkan usaha dalam pengurusan alam sekitar.
OHSAS 18001 / 45001	OHSAS 18001 merupakan satu piawaian keselamatan dan kesihatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi membantu organisasi dalam mengawal risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. OHSAS 45001 merupakan satu piawaian antarabangsa pertama bagi pengurusan kesihatan dan keselamatan untuk membantu organisasi menguruskan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
MS1722	MS1722 adalah bersamaan dengan OHSAS 18001 merupakan satu piawaian yang dikeluarkan oleh Badan Standard Malaysia. Pengauditan dan persijilan piawaian ini boleh dijalankan secara serentak bersama persijilan OHSAS 18001.
MSISO 37001 Anti Bribery	Sistem pengurusan anti rasuah adalah membantu organisasi dalam memerangi rasuah dengan mewujudkan budaya integriti, ketelusan dan kepatuhan.

Q42

Penglibatan Syarikat Dalam CSR, SLIM / PROTEGE, ACGS

Corporate Sosial Responsibility (CSR)/SL1M	CSR merujuk kepada tanggungjawab sosial syarikat terhadap masyarakat dan komuniti berkaitan alam sekitar, pembiayaan kepada rumah anak yatim, rumah ibadat dan juga pendidikan seperti biasiswa dan pengambilan pelajar untuk latihan industri.
Attestation of Company Good Standing (ACGS)	Merupakan kepatuhan syarikat terhadap akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk syarikat Sdn Bhd / Berhad.
SL1M / PROTEGE	Skim Latihan 1Malaysia merupakan program kebolehpasaran yang memberi keutamaan kepada graduan menganggur bagi membantu meningkatkan tahap keupayaan diri dengan mengasah ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja sekaligus memberi peluang kepada mereka untuk memperoleh pekerjaan. <i>Profesional Training and Education for Growing Entrepreneurs (Protege)</i> merupakan satu program latihan keusahawanan dan kebolehpasaran bagi membentuk dan membimbing para belia dalam melahirkan lebih ramai usahawan yang kompetitif dan bersedia ke pasaran global serta memenuhi keperluan industri semasa.

Q43 Anugerah Yang Diterima Syarikat

Merujuk kepada penghargaan yang diterima atas nama syarikat iaitu daripada *international, government* dan klien berdasarkan kecemerlangan syarikat dalam sesuatu projek.

Parameter 7 - Keupayaan Pengurusan

Keupayaan pengurusan merujuk kepada keupayaan syarikat atau organisasi dalam mengendalikan syarikat termasuk penyediaan fungsi tugas setiap kakitangan, pemberian penghargaan kepada staf seperti bonus, insentif dan pakej percutian. Selain itu, syarikat juga mempunyai jadual latihan yang terancang untuk tujuan pembangunan kompetensi kakitangan. Keupayaan pengurusan dinilai berdasarkan kepada kriteria berikut:



Q44 Carta Organisasi Syarikat

Carta organisasi merujuk kepada carta keseluruhan organisasi pentadbiran syarikat dan juga carta kakitangan di pejabat operasi di tapak bina yang mengandungi jawatan, nama dan tarikh kemaskini.

Q45 Fungsi Tugas Kakitangan (*Job Description*)

Fungsi tugas kakitangan merujuk kepada analisis kerja atau huraian kerja yang mengandungi klasifikasi dan keperluan untuk kerja bagi setiap jawatan, yang digunakan dalam pengambilan dan terdapat dalam surat tawaran setiap pekerja.

Q46 Visi Syarikat

Visi syarikat merujuk kepada sasaran organisasi yang ingin dicapai dalam jangka masa panjang. Ia sebagai panduan kepada semua kakitangan syarikat untuk berkhidmat atau bertugas berpandu kepada visi yang telah ditetapkan.

Q47 Struktur Kumpulan Pengurusan Syarikat

Struktur kumpulan pengurusan adalah satu kumpulan pekerja yang saling bergantung antara satu sama lain berfungsi sebagai satu unit dengan pengawasan yang kurang dalam melaksanakan tugas, fungsi dan aktiviti.

Q48 Penggunaan Teknologi Maklumat

Merujuk kepada kepentingan penggunaan teknologi maklumat dalam sesebuah organisasi / syarikat.

Q49 Inovasi

Merujuk kepada kaedah untuk menghasilkan produk baru atau penambahbaikan perkhidmatan sedia ada melalui cetusan idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.

Q50 Perbelanjaan R & D

Bajet atau nilai yang dibelanjakan oleh syarikat dalam membuat penyelidikan untuk memperoleh teknologi atau bahan baru bagi mempercepatkan proses kerja.

Q51 Latihan kakitangan

Merujuk kepada jadual kursus bagi setiap pekerja syarikat dalam tempoh setahun dan merangkumi bilangan hari kursus.

Q53 Kod Etika

Garis panduan yang dikeluarkan oleh sebuah organisasi kepada pekerja-pekerja dan pengurusan untuk membantu mereka menjalankan tindakan mereka selaras dengan nilai-nilai utamanya dan piawaian etika.

4.0 SKEMA PEMARKAHAN

Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE – CIDB) diukur mengikut skema pemarkahan seperti **Jadual 1** di bawah:

BIL	PARAMETER	MARKAH
1	Prestasi Perniagaan	30
2	Keupayaan Kewangan	30
3	Keupayaan Teknikal	30
4	Pengurusan Projek	30
5	Pengurusan Perolehan	30
6	Amalan Terbaik	30
7	Keupayaan Pengurusan	30
JUMLAH		210

Jadual 1 – Skema Pemarkahan

Daripada keseluruhan markah tersebut, syarikat akan diberi penarafan bintang mengikut peratusan markah seperti **Jadual 2** berikut:

PERATUS (%) PENCAPAIAN	MARKAH SETIAP PARAMETER	BINTANG
0 - 10		0
11 – 30		1
31 – 50		2
51 – 70		3
71 – 84	Min 10	4**
85 - 100	Min 15	5*

Jadual 2 – Skema Penarafan Bintang

***Syarat Layak Mendapatkan Penarafan 5 Bintang**

Bagi penarafan 5 bintang, syarikat hendaklah memperolehi:

- i **Peratus Pencapaian Markah Keseluruhan (PPMK) 85% dan ke atas.**
- ii **Markah Setiap Parameter (MSP) tidak kurang daripada 15 markah.**

****Syarat Layak Mendapatkan Penarafan 4 Bintang**

Berkuatkuasa mulai 01 Januari 2017, bagi penarafan 4 bintang, syarikat hendaklah memperolehi:

- i **Peratus Pencapaian Markah Keseluruhan (PPMK) 71% dan ke atas.**
- ii **Markah Setiap Parameter (MSP) tidak kurang daripada 10 markah.**

Contoh:

Jika syarikat mendapat PPMK **melepassi 85%** tetapi markah salah satu (1) daripada tujuh (7) parameter mendapat **15 markah atau lebih** maka penarafan syarikat akan ditetapkan kepada **5 bintang**. Jika sebaliknya syarikat mendapat salah satu (1) daripada tujuh (7) parameter **kurang daripada 15 markah**, maka penarafan syarikat akan diturunkan kepada 1 bintang. Begitulah juga kaedah yang digunapakai dalam menentukan penarafan 4 bintang mengikut syarat yang telah ditetapkan di atas.

4.1 Definisi Penilaian Bintang

TIADA BINTANG		
Memenuhi syarat-syarat pendaftaran & asas operasi.	Mempunyai asas pengurusan & keupayaan teknikal	Berkemampuan dalam pengurusan dan keupayaan teknikal
		
Baik dalam pengurusan dan keupayaan teknikal, mematuhi amalan terbaik dan pengurusan projek yang baik	Pengurusan dan kemampuan teknikal yang cekap, mematuhi amalan terbaik, inovatif, mempunyai sistem berintergrasi & pengurusan projek yang baik. Mampu mengeksplot perkhidmatan ke pasaran luar negara	Boleh dicontohi, syarikat yang kukuh, cekap dalam pengurusan dan keupayaan teknikal, mematuhi amalan terbaik, mempunyai sistem berintegrasi dan pengurusan projek yang baik. Aktif dalam mengeksplot perkhidmatan ke pasaran antarabangsa.

TEMPOH PROSES PERMOHONAN SCORE

